*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## RABU, 10 FEBRUARI 2021

1. **PENGARAH, PENGURUS SYARIKAT SEJUK BEKU KENA DAKWA**
2. **21 LEMBU "BERENANG" DI SUNGAI GOLOK DIRAMPAS**
3. **GUNA LOGO HALAL PALSU**
4. **3 MEN CHARGED OVER MEAT CARTEL SCANDAL**

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10.02.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |





*Guna logo halal palsu*

# Pengarah, pengurus syarikat sejuk beku kena dakwa

## Tertuduh miliki 3,418 kotak makanan guna dokumen palsu

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my



***Chee Keong (dua dari kanan) dan Kim Kuang** dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.*
(Foto Zain Ahmed /BH)

**Johor Bahru:** Sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa di Mahkamah Sesyen, semalam, atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk beku, awal Disember lalu.

Tertuduh, iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya Yong Chee Keong, 40 dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pengakuan itu direkodkan selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat dan dua tertuduh berkenaan serta seorang lagi yang masih bebas didakwa menggunakan, memiliki dan menawarkan 3,418 kotak makanan sejuk beku menggunakan perihal dagangan palsu tanpa kelulusan dua syarikat pembekal dari Australia selain menggunakan logo halal palsu serta menggunakan logo halal tanpa kelulusan daripada badan persijilan halal Australia.

Kesalahan itu dilakukan di Taman Perindustrian Desa Idaman, Senai, Kulai, di sini antara 1 hingga 3 Disember 2020.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 5(1)(a), Seksyen 5(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011, Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Jika sabit kesalahan, semua tertuduh boleh didenda antara RM100,000 hingga RM500,000 atau dipenjara hingga lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohammad Onn Abd Aziz, Kwan Li Sa, Syazwani Zawawi, T Ashivinii dan Kee Shu Min.

Tertuduh pula diwakili barisan peguam Zamri Idrus, Yusman Che Aman dan Saiful Zaman Abd Rahman.

Mahkamah menetapkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM250,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh selain pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap dua minggu sekali di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 28 Mac ini.

Pada 2 Disember lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjual ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbuan pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang akan ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10.02.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# 21 lembu 'berenang' Sungai Golok dirampas

**Tumpat:** Sebanyak 21 lembu yang diseludup masuk dari negara jiran dengan menyeberangi sungai dan dalam perjalanan masuk ke kandang, di Kampung Bendang Pak Yong, dekat sini, dirampas pihak berkuasa awal pagi semalam.

Sebelum itu semua lembu yang masih dalam keadaan basah diheret beberapa individu dipercayai dari sebuah pangkalan haram di sini.

Pegawai Pemerintah Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi semalam, anggotanya yang sedang dalam penugasan rondaan berkereta di Kampung Bendang Pak Yong ternampak beberapa lelaki mengheret lembu.

"Ketika memasuki sebuah kandang lembu di kampung itu, mereka menyedari kehadiran pihak berkuasa sebelum melarikan diri dengan meninggalkan semua lembu terbabit.



*Lembu yang diseludup melalui pangkalan haram di Sungai Golok dirampas pihak berkuasa awal pagi semalam.*

"Pemeriksaan dalam kandang itu menjumpai 21 lembu yang dipercayai diseludup masuk dari Thailand melalui Sungai Golok.

"Pemeriksaan juga mendapati badan lembu berkenaan masih basah dan tiada tag telinga, disyaki baharu diseludup melalui pangkalan haram berdekatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nor Azizan berkata, tidak lama kemudian muncul seorang lelaki berusia 33 tahun yang mengaku pemilik kandang lembu terbabit.

Lelaki terbabit gagal mengemukakan dokumen berkaitan pemilikan lembu ketika diminta dan dia seterusnya ditahan, manakala semua lembu itu yang dianggarkan bernilai RM58,000 dirampas untuk siasatan lanjut.

"Semua lembu itu dipercayai untuk pasaran tempatan. Kes disiasat di bawah Seksyen 11 (1) Akta MAQIS 2011," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10.02.2021 | Harian Metro | LOKAL | 3 |



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen di Johor Bahru, semalam.

# GUNA LOGO HALAL PALSU

***Dua pengarah syarikat bekal daging sejuk beku LY Frozen Food Sdn Bhd mengaku tak bersalah***

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk beku, awal Disember lalu.

Tertuduh, iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pengakuan itu direkodkan selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat dan dua tertuduh berkenaan serta seorang lagi yang masih bebas didakwa menggunakan, memiliki dan menawarkan 3,418 kotak makanan sejuk beku menggunakan perihal dagangan palsu tanpa kelulusan dua syarikat pembekal dari Australia selain menggunakan logo halal palsu serta menggunakan logo halal tanpa kelulusan daripada badan persijilan halal Australia.

Kesalahan dilakukan di Taman Perindustrian Desa Idaman, Senai, Kulai di sini antara 1 hingga 3 Disember 2020.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 5(1)(a), Seksyen 5(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011, Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Jika disabit kesalahan, semua tertuduh boleh didenda antara RM100,000 hingga RM500,000 atau dipenjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kemneterian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohammad Onn Abd. Aziz, Kwan Li Sa, Syazwani Zawawi, T Ashivinii dan Kee Shu Min.

Manakala tertuduh diwakili barisan peguam Zamri Idrus, Yusman Che Aman dan Saiful Zaman Abd Rahman.

Mahkamah menetapkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM250,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh selain pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap dua minggu sekali di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 28 Mac depan.

Pada 2 Disember lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang itu sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang akan ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

Ia membabitkan rampasan bernilai lebih kurang RM 6.47 juta.

**28 Mac**

Tarikh sebutan semula kes



SEBUAH gudang di Senai diserbu dipercayai menjadi lokasi membuat label dan cap halal palsu yang akan ditampal pada kotak daging.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| **10.02.2021** | NSTP | NEWS/NATION | 6 |



LY FROZEN FOOD SDN BHD

# 3 MEN CHARGED OVER MEAT CARTEL SCANDAL

Trio, including firm, face 21 charges for distributing unauthorised frozen products and using fake halal logos

RIZALMAN HAMMIM
**JOHOR BARU**
news@nst.com.my

THE Sessions Court here has charged a frozen food distribution company and three of its executives for multiple counts of possessing and distributing unauthorised frozen products and using false and unauthorised halal logos.

LY Frozen Food Sdn Bhd, its directors Yong Chee Keong and Tan Siew Huak, and manager Chong Kim Kuang face 21 charges for various offences.

Yong and Tan, who is at large, were jointly charged with the offences.

According to the charge sheet, they were accused of possessing and distributing 3,418 packages of frozen products without the approval of two Australian companies and using false and unauthorised halal logos from two Australian certification bodies.

They were accused of committing the offences between Dec 1 and 3 in Taman Perindustrian Desa Idaman, Senai, Kulai.

They were charged under Section 5(1)(a) and Section 5(1)(c) of the Trade Description Act 2011 and Paragraph 4(1) of the Trade Description (Halal Certification and Marking) Order 2011.

They pleaded not guilty after the charges were read in front of judge Ahmad Fuad Othman.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's deputy public prosecutors Mohammad Onn Abd Aziz, Kwan Li Sa, Syazwani Zawawi, T. Ashivinii and Kee Shu Min appeared for the prosecution, while counsels Zamri Idrus, Yusman Che Aman and Saiful Zaman Abd Rahman represented the three accused.

Fuad set bail at RM250,000 with one surety each for Chong and Yong and ordered them to surrender their passports to the court and report at the Kulai police headquarters every two weeks.

He fixed March 28 for mention of the case.

Recently, it was reported that a cartel had been importing non-certified meat and selling them as halal in Malaysia.

The cartel had reportedly been operating for over 40 years and imported meat from non-halal-certified slaughterhouses in a few countries, such as Brazil, Bolivia, Canada, Colombia, Spain and Mexico.

The meat, smuggled out of the port, would be taken to warehouses where it would be mixed with halal-certified meat and repacked with fake halal logos, and then sold in the market.




*LY Frozen Food Sdn Bhd director Yong Chee Keong (second from left) and manager Chong Kim Kuang (left) being led to the Sessions Court in Johor Baru yesterday.* PIC BY ZAIN AHMED